



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 69  
Bil. 19

**20hb September 2016**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 2551.**

(Seksyen 261(1)(c))

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abu Zar bin Khairol Anwar (No. K.P.: 880311-08-6197) yang beralamat No. 403, Blok 29, Flat PKNS, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor dan/ atau No. 1300, Taman Samudera, 32040 Seri Manjung, Perak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Mesyuarat 1, Tingkat 1, Pejabat Daerah Muallim pada 28 September 2016 pukul 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261(1)(c), Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat. Sila ambil perhatian jika tuan/puan tidak hadir, perintah akan dikeluarkan.

---

---

JADUAL TANAH

Mukim—Hulu Bernam Timur. No. P.T.—596 (P.T. 596 yang baru). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 486 (H.S.M. 21 yang baru). Bahagian Tanah—Semua bhg. No. Daftar Gadaian—Per. No. 205/2014 Tarikh: 26.03.2014 Masa: 12.35 tgh.

Bertarikh 29 Ogos 2016  
[PDTMu. Tanah (T) 200-9/2-1(22)]

*Pentadbir Tanah  
Muallim  
Slim River*

**No. 2552.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Basir bin Abdul Hadi, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 29 September 2016 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah: RM155,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Lima Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM137,685.41 (sehingga 26.1.2012) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM15,500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Lima Ratus sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 27 Januari 2017 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—198906 (P.T. 77684). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 17204 (H.S.(M) 630/88). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers: 1913/2005.

Bertarikh 7 September 2016  
[PTK(I) 700/7/2011 SJ. 6]  
Lelongan 3

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kinta (Ipoh)*

Hakcipta Pencetak<sup>(H)</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA